

24 MAR 2001

Effendi-Satelit

KEMENTERIAN PERTANIAN AKAN PERKENAL LADANG SATELIT

ALOR GAJAH, 24 Mac (Bernama) -- Kementerian Pertanian akan memperkenalkan program ladang setelit di seluruh negara bagi memenuhi keperluan pengguna bagi barangan pertanian, penternakan dan perikanan.

Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi berkata program itu yang akan dilancarkan pada 10 Mei diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ladang satelit ini akan dibuka setiap hari dan pengguna boleh membeli barangan keperluan seperti sayur-sayuran, ulam, ternakan, ikan dan sebagainya terus dari ladang," katanya kepada pemberita selepas melawat ladang satelit Kampung Paya Rumpit di Masjid Tanah, dekat sini hari ini.

Effendi berkata Kementerian Pertanian telah memilih ladang satelit kampung itu untuk pelancaran peringkat kebangsaan kerana telah ditanam dengan pokok-pokok herba, nenas, mangga, kayu manis dan tongkat ali.

Ladang kelompok seluas 15.3 hektar itu dijayakan oleh 29 peserta.

Beliau berkata kementerian turut mengenal pasti lapan kawasan lain di Semenanjung Malaysia meliputi seluas 400 hektar untuk menjayakan program ladang setelit itu.

Menurut Effendi, 12 agensi di bawah kementerian itu telah diarah menjayakan program bersepadu ladang setelit itu yang akan memperkenalkan teknologi tinggi dari segi benih dan cara tanaman.

Beliau berkata konsep ladang itu sebagai satu tarikan kepada para pelancong yang membawa keluarga untuk mengalami sendiri memetik buah, sayur-sayuran dan ulam.

"Kita juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan program pelancongan homestay bagi penginapan pelancong,"katanya.

Mengenai masalah kejatuhan harga yang dialami oleh penanam sayur Cameron Highlands, Effendi berkata beliau telah mengarahkan FAMA berunding dengan para penanam sayuran berkenaan bagi menyusun strategi pemasaran yang lebih berkesan dalam jangka panjang.

Menurut laporan akhbar semalam, pekebun di Cameron Highlands telah memusnahkan lebih 800 tan metrik sayuran pelbagai jenis dalam tempoh dua minggu lepas sebagai usaha menstabilkan harga tanaman berkenaan yang jatuh teruk.

Effendi berkata beliau tidak boleh menghalang para pekebun supaya tidak memusnahkan tanaman mereka.

"Yang penting mereka mempunyai perancangan jangka panjang dari segi pengeluaran mereka supaya tidak mengalami harga turun naik," katanya.

Beliau menasihati para pekebun supaya harga tanaman mereka lebih kompetitif berbanding harga sayuran yang diimport disamping menimbang penubuhan koperasi dan mempunyai pengangkutan sendiri untuk menghantar sayur-sayuran ke pasar.

-- BERNAMA

NO AZZ FAZ